

27 DEC 1996

DAP GESA MUHAMMAD TAIB ISYTIHAR HARTA

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini menggesa Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib supaya mengisytiharkan hartanya secara terbuka.

DAP menyokong arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Muhammad mengemukakan laporan mengenai kejadian penahanannya di lapangan terbang Brisbane Ahad lepas kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai berjumlah A\$1.2 juta (RM2.4 juta).

Dalam satu kenyataan, Lim berkata adalah perlu bagi Muhamamd memberikan penjelasan penuh dan memuaskan mengenai wang itu bukan hanya kepada Perdana Menteri tetapi juga seluruh negara.

"Disebabkan isu mengenai harga diri dibangkitkan ekoran kejadian itu, Muhammad seharusnya mengisytiharkan hartanya secara terbuka semasa beliau menjadi Menteri Besar Selangor 10 tahun lepas dan harta yang dimilikinya kini," kata Lim.

Sementara itu Parti Rakyat Malaysia (PRM) turut menyokong arahan Perdana Menteri kepada Muhammad.

Setiausaha Agung PRM Dr Sanusi Osman berkata penahanan Muhammad di Brisbane kerana didakwa gagal mengisytiharkan sejumlah besar wang itu menimbulkan banyak pertanyaan besar dan intepretasi.

"Rakyat ingin tahu bagaimana dan dari mana datangnya wang itu. Sekiranya semua gaji Menteri Besar itu dikumpulkan sejak beliau memegang jawatan, tanpa berbelanja satu sen pun, jumlahnya tidak akan sampai RM2.4 juta. Oleh itu penjelasan Muhammad sangat ditunggu-tunggu," kata Sanusi. --
BERNAMA

SJ RON